

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW**  
**KAWASAN : KEPONG**  
**TARIKH BAHAS : 24.10.2017**  
**NO. SOALAN : 14**

**DR. TAN SENG GIAW** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan keadaan pelaburan asing di negara ini.

23

**Jawapan:**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pelaburan yang diluluskan bagi sektor perkilangan bagi tempoh Januari hingga Jun 2017 adalah sebanyak 302 projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM17 bilion dan dijangka menjana sebanyak 21,904 peluang pekerjaan.

Daripada RM17 bilion jumlah nilai pelaburan yang diluluskan, RM9.6 bilion atau 56.5 peratus adalah pelaburan asing, manakala pelaburan domestik pula telah mencatatkan pelaburan berjumlah RM7.4 bilion atau 43.5 peratus bagi tempoh Januari hingga Jun 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun berdepan pelbagai cabaran, Kerajaan terus komited untuk memastikan negara terus menarik pelaburan, baik dari dalam mahupun luar negara bagi menyokong pembangunan ekonomi negara yang mapan dan seimbang di seluruh negara.